

10 Februari 2018

Sofi Jikan bebas dengan jaminan polis

AH

Sofi Jikan bebas dengan jaminan polis

• Pelakon direman tiga hari bantu siasatan kes positif ganja

Oleh Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

► Petaling Jaya

Pelakon Sofi Jikan semalam dibebaskan dengan jaminan polis selepas direman tiga hari sejak kelmarin, bagi membantu siasatan selepas didapati positif dadah jenis ganja.

Sebaik dibebaskan, Sofi atau nama sebenarnya Mohamad Shoffi Jikan, 48, yang ditemui di hadapan pejabat Bahagian Nar-

kotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Petaling Jaya di sini, berkata:

"Kasi sengat! Lu rembat wa, wa rembat lu!"

Terdahulu, pelakon itu berterima kasih kepada semua pihak yang menyokong dan mendukungnya sepanjang direman.

"Alhamdulillah, saya dibebaskan hari ini. Saya nak balik rumah dan berehat," katanya kepada pemberita simi, semalam.

Beri kerjasama baik

Ditanya mengenai hubungannya dengan pelakon Datuk Farid Kamil Zahari, Sofi menjawab: "Hanya Tuhan yang tahu. 'Ini ujian Allah dan kita semua insan yang lemah,' katanya.

Sementara itu, peguam Datuk Hanif Hassan yang mewakili pelakon itu berkata, anak guamnya memberi kerjasama



[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]

Sofi Jikan dibebas dengan jaminan polis selepas ditahan reman tiga hari di Pejabat Siasatan Jenayah Narkotik IPD Petaling Jaya.



Alhamdulillah,
saya
dibebaskan hari
ini. Saya nak
balik rumah
dan berehat"

Sofi Jikan,
Pelakon

baik kepada polis sepanjang dalam tahaman reman.

Terdahulu, Sofi tiba menaiki kereta Proton Inspira di Kompleks Mahkamah Petaling Jaya pada jam 10.10 pagi sebelum dibawa ke pejabat Siasatan Jenayah Narkotik IPD Petaling Jaya bagi proses jaminan polis.

Dipanggil beri keterangan

Proses tamat kira-kira jam 11.40 pagi dan Sofi ditemani Hanif serta pembantu peribadi, Razlan Jais.

Pelakon yang terkenal dengan watak antagonis itu ditahan di Balai Polis Mutiara Damansara pada jam 11 malam Selasa lalu, ketika hadir memberi keterangan berhubung dua laporan polis dibuat Farid Kamil, 37, pada 31 Januari lalu.

Selain Sofi, dua lagi artis turut dipanggil polis bagi memberi keterangan tetapi mereka belum berbuat demikian.